



Terbit pada Sabtu  
minggu pertama setiap bulan

# Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

**BH**  
Berita Harian



Tan Sri Bernard Dompok ketika melancarkan Program B10, baru-baru ini. Turut kelihatan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin (dua dari kiri), Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim (kanan) dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kiri).

## B10 tingkat industri biodiesel negara

» Lonjak potensi minyak sawit sebagai bahan api alternatif

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

► Bangi

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) melancarkan penggunaan B10, adunan 10 peratus biodiesel sawit dan 90 peratus diesel petroleum.

Pelancaran program ini selaras keputusan Mesyuarat Majlis Ekonomi pada 3 Disem-

ber 2012 yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, yang bersetuju program B5 iaitu adunan lima peratus biodiesel sawit dengan 95 peratus diesel petroleum yang dilaksanakan sejak Jun 2011 ditingkatkan kepada Program B10 secara sukarela.

Langkah berkenaan bermatlamat meningkatkan potensi penggunaan minyak sawit sebagai bahan api alternatif yang mesra alam dan boleh diperbaharu, sekali gus menyumbang kepada kestabilan harga komoditi berkenaan di pasaran.

### Bangun piawaian baru

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri

Bernard Dompok, ketika melancarkannya di sini, berkata bagi menyokong Program B10, MPIC dan MPOB bekerjasama dengan SIRIM Berhad dan Jabatan Standard Malaysia untuk membangunkan piawaian

“Program B10 akan dilaksanakan sepenuhnya di seluruh negara apabila piawaian baru B10 siap dibangunkan kelak”

Tan Sri Bernard Dompok  
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

baru B10 memandangkan piawaian sedia ada iaitu MS123:2005 adalah untuk B5.

“Program B10 akan dilaksanakan sepenuhnya di seluruh negara apabila piawaian baru B10 siap dibangunkan kelak”, katanya.

Katanya, sebagai mencerminkan komitmen Kerajaan terhadap industri biodiesel negara, MPIC mengambil langkah awal melancarkan penggunaan B10 untuk kenderaan berenjin diesel milik MPIC dan agensi di bawahnya yang beroperasi di sekitar Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

“Penggunaan B10 oleh kenderaan MPIC dan agensi memabihkan penggunaan sebanyak 25 tan biodiesel sawit setahun.

“Walaupun kuantiti minyak sawit mentah yang akan digunakan agak kecil, langkah ini adalah penting untuk meyakinkan pihak yang berkepentingan serta syarikat petroleum bahawa B10 tidak mendatangkan sebarang kesan negatif ke atas enjin kenderaan diesel.

## RM50,000 ganjaran tangkap pembunuh gajah Pigmy

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

**Bangi:** Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) menawarkan RM50,000 kepada pemberi maklumat hingga tertangkapnya mereka yang bertanggungjawab menyebabkan kematian 14 gajah Pigmy Borneo di Sabah pada Januari lalu.

Menterinya, Tan Sri Bernard Dompok, berkata tawaran itu dibuat melalui Tabung Pemuliharaan Hidupan Liar Minyak Sawit Malaysia (MPOWCF) untuk mendapatkan maklumat pihak bertanggungjawab atas kejadian itu.

### Beri kesan buruk

“Kementerian memandang serius kejadian ini kerana ia meninggalkan kesan buruk kepada usaha pemeliharaan hidupan liar yang diancam kepupusan sekali gus mengancam keunikan ekosistem di Sabah,” katanya

Menurutnya, MPIC melalui MPOWCF sebelum ini melaksanakan beberapa langkah bagi tujuan pemuliharaan gajah Pigmy di Sabah.

“Kami bekerjasama dengan Jabatan Hidupan Liar Sabah bagi menubuhkan tempat Perlindungan Hidupan Liar Gajah Borneo (Borneo Elephant

Wildlife Sanctuary) (BEWS) dengan peruntukan sebanyak RM5 juta.

“Apabila BEWS beroperasi sepenuhnya kelak, ia akan menjadi pusat penjagaan dan penempatan bagi gajah yang terancam di Sabah,” katanya.

Sementara itu, MPOWCF melalui kerjasama dengan Shangri-La Ria Resorts menubuhkan Unit Penyelamat Hidupan Liar (Wildlife Rescue Unit) (WRU) di bawah Jabatan Hidupan Liar Sabah.

“WRU beroperasi sejak tiga tahun lalu dan merupakan pasukan pakar yang mula-mula tiba di tempat kejadian yang memabihkan gajah Pigmy.

“Pasukan ini turut membantu pihak berkuasa menjalankan penyiasatan kematian gajah terbabit serta penempatan anak gajah ke Lok Kwai Zoo di Sabah,” katanya.

**P**rojek yang dilaksanakan Kerajaan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) untuk membawa Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 membabitkan semua golongan rakyat termasuk pekebun kecil sawit. Antara projek di bawah program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) sawit adalah mempercepatkan penanaman semula pokok sawit tua yang tertangguh pada akhir tahun 2010 sebanyak 109,000 hektar (ha) oleh pekebun kecil. Untuk tujuan ini, peruntukan sebanyak RM902 juta bagi tahun 2011/2013 disediakan.

Langkah bagi mengganti pokok sawit tua dengan klon bahan tanaman baru yang berpotensi tinggi dan ditambah dengan penerapan teknologi penanaman dan pengurusan terkini akan menjamin pengeluaran hasil buah tandan segar (BTS) yang lebih tinggi iaitu melebihi 25 tan/ha/tahun untuk tempoh 20 tahun akan datang. Pengeluaran BTS yang tinggi ini akan memberikan pendapatan lumayan tinggi kepada pekebun kecil seterusnya menyumbang terhadap pendapatan negara.

Nilai bantuan Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) adalah RM7,500/ha di Semenanjung dan RM9,000/ha di Sabah dan Sarawak. Kerajaan juga menawarkan program Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) dengan nilai bantuan yang sama seperti TSSPK. Program TBSPK ini masih di dalam kerangka ETP kerana pengiraan Pendapatan Negara Kasar (Gross National Income) (GNI) adalah berdasarkan keluasan penggantian pokok tua atau penanaman sawit di kawasan baru. Peserta TBSPK adalah suntikan baru ke sektor pekebun kecil menggantikan pekebun kecil yang telah uzur dan tidak berminat lagi dalam perusahaan ini.

Sehingga akhir Disember 2012, jumlah keseluruhan 45,197 ha atau 68 peratus siap ditanam atau dalam proses penanaman. Bagi mencapai sasaran sumbangan GNI melalui program ini, seluas 63,803 ha perlu ditanam (secara tanaman baru atau tanaman semula) bagi mencapai matlamat 109,000 ha sebelum akhir 2013. Ini satu tugas amat mencabar dan memerlukan kerjasama dan komitmen pegawai MPOB, pekebun kecil dan pembekal input pertanian.

Pada awal November 2012, permohonan TSSPK dan TBSPK dibekukan sementara kerana keseluruhan permohonan diterima telah melebihi kuota. Selepas diperincikan, didapati permohonan bagi Sarawak adalah terlalu banyak dan negeri berkenaan tidak berupaya menyediakan keperluan anak benih sekiranya penanaman hendak dibuat sebelum akhir tahun 2013. Justeru, peruntukan bagi negeri Sarawak dikurangkan dan ini membolehkan permohonan TSSPK dan TBSPK dibuka semula untuk pekebun kecil di Semenanjung dan Sabah masing-masing mulai 1 Mac 2013 dan 1 April 2013 dan permohonan akan ditutup pada 30 September 2013.

Oleh yang demikian, MPOB menyeru semua pekebun kecil di Semenanjung dan Sabah membuat permohonan segera supaya tidak terlepas peluang menyertai program TSSPK atau TBSPK. Bagi pekebun yang telah diluluskan program TSSPK dan TSSPK sebelum ini tetapi belum menyediakan kawasan tanaman, mereka dipohon mengikut jadual penyediaan tanah supaya MPOB dapat membekalkan anak benih dan baja mengikut masa yang telah dijadualkan. Bagi peserta yang telah menanam anak benih, mereka perlu menjaga dan mengurus kebun dengan baik. Sekiranya memerlukan khidmat nasihat teknikal mereka boleh menghubungi Pegawai Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS) MPOB. MPOB mempunyai 39 pejabat TUNAS di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut, layari [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my). MPOB juga merakamkan terima kasih kepada panel pembekal input yang sama-sama menjayakan program TSSPK dan TBSPK selama ini.

Program penanaman semula sawit ini dijangka dapat mengurangkan pengeluaran minyak sawit mentah dalam jangka masa pendek, menyumbang kepada pengurangan stok minyak sawit negara dan dijangka memperkukuhkan harga minyak sawit. Dalam jangka masa sederhana dan panjang, ia dapat meningkatkan hasil pengeluaran pekebun kecil, menaikkan taraf hidup mereka dan seterusnya mentransformasikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.



**MINDA**  
Datuk Dr Choo  
Yuen May

Ketua Pengarah  
MPOB



Tan Sri Bernard ketika **mempengerusikan forum mengenai penggunaan biodiesel bagi sektor industri sawit**. Turut kelihatan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin (dua dari kiri), Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim (kanan) dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kiri).

## Forum bincang guna B10 sektor industri sawit

» Penggunaan B10 mampu kurangkan stok minyak sawit seluruh negara

Oleh Noor Asmawati  
Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

✦ **Bangi**

**F**orum bagi membincangkan penggunaan B10 secara sukarela oleh sektor industri sawit yang dipengerusikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, diadakan di sini, baru-baru ini.

Forum berkenaan dihadiri wakil industri sawit, pengeluar biodiesel, pembekal, syarikat petroleum dan pengguna yang berpotensi menggunakan B10 iaitu adunan 10 peratus biodiesel sawit dengan 90 peratus diesel petroleum.

"Kementerian saya melihat B10 amat berpotensi untuk digunakan dalam sektor yang tidak bersubsidi seperti sektor industri sawit, perlombongan dan pengeluaran," katanya ketika berucap pada forum berkenaan.

Dalam hal ini katanya, Kementerian sedang mencari pengguna sukarela bagi menggunakan adunan biodiesel dalam kadar yang lebih tinggi terutama di kalangan penggiat industri.

### Disaran guna B10

Menurutnya, sementara menunggu piawaian dan standard B10 dibangunkan untuk penggunaan secara mandatori, syarikat perladangan sawit yang besar terutamanya disaran menggunakan B10 sebagai bahan api bagi jentera ladang, kilang dan kemudahan lain.

Katanya lagi, sektor industri sawit adalah antara pengguna terbesar diesel petroleum untuk tujuan penjaan tenaga.

"Oleh itu, peningkatan penggunaan biodiesel dalam operasi harian akan memberi manfaat dalam pelbagai cara.

"Dalam jangka panjang, ia akan dapat memastikan bekalan tenaga dalam negara kerana biodiesel adalah sumber tenaga yang boleh

diperbaharu dan mesra alam.

Menurutnya, penggunaan biodiesel juga akan mengurangkan stok minyak sawit dan seterusnya menstabilkan harga minyak sawit di pasaran.

Katanya lagi, stok minyak sawit negara kini berada pada paras 2.6 juta tan dan penggunaan B10 oleh sektor industri sawit dijangka mampu mengurangkan sekurang-kurangnya satu juta tan minyak sawit mentah jika dilaksanakan ke seluruh negara kelak.

Menurutnya lagi, di beberapa negara seperti Indonesia dan Columbia telah menggunakan kadar adunan biodiesel sehingga 10 peratus manakala negara-negara Kesatuan Eropah dilapor menggunakan kadar adunan sehingga tujuh peratus.

"Dalam kedua-dua kes tiada masalah teknikal yang dilapor bagi penggunaan biodiesel dengan kadar adunan 10 peratus dan tujuh peratus.

### Bahan api masa depan

"Ini menunjukkan B10 amat berpotensi untuk menjadi bahan api masa depan," katanya.

Katanya, sebagai permulaan program penggunaan B10 akan dijalankan secara sukarela.

"Kerajaan juga menyediakan dana permulaan RM3 juta daripada Dana Penstabilan Harga Minyak Sawit untuk memastikan program ini berjaya dilaksanakan," katanya.

Tambahnya, MPOB juga menjalankan penyelidikan dan pembangunan yang berterusan sejak tahun 1980-an yang menunjukkan biodiesel boleh digunakan sebagai gantikan diesel petroleum.

## B5 guna 110,000 tan minyak sawit setahun

✦ **Dari muka 1**

Hadir sama, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin; Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmala Abd Rahim dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Katanya lagi, program B10 adalah kesinambungan program B5 yang dilaksanakan secara berperingkat mulai Jun 2011.

"Sebelum ini, program B5 mendapat kerjasama lima syarikat petroleum utama negara ini iaitu Petronas, Shell, Chevron, Petron dan BHP untuk membekalkannya di 1,150 stesen minyak mereka di Wilayah Tengah.

### Penggunaan meningkat

Menurutnya, program B5 di wilayah itu pada masa ini membabitkan penggunaan sebanyak 110,000 tan minyak sawit mentah setahun.

"Jumlah ini dijangka meningkat kepada 0.5 juta tan setahun apabila program B5 diperluaskan ke seluruh negara kelak.

Beliau juga berkata, kementeriannya juga bekerjasama dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) untuk melaksanakan projek percubaan penggunaan 40 peratus olein sawit bagi bahan api yang digunakan untuk loji penjaan elektrik di Sandakan, Sabah mulai Mac 2013.

# MPOB meterai usaha sama MY2GEN

» *Projek dengan BiotechCorp, MDVB promosi gula fermentasi generasi kedua*

Oleh Dr Astimar Abd Aziz  
astimar@mpob.gov.my

Kota Kinabalu

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), BiotechCorp dan Malaysia Debt Ventures Berhad (MDVB) menandatangani perjanjian usaha sama bagi Projek My2Gen di sini, baru-baru ini. Pada majlis berkenaan, MPOB diwakili Ketua Pengarah, Datuk Dr Choo Yuen May; BiotechCorp oleh Pengerusi Eksekutif, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal sementara MDVB diwakili Pengarah Pengurusan, Datuk Md Zubir Ansor Yahaya.

Secara dasarnya, perjanjian usaha sama ini dimeterai untuk mempromosikan inisiatif yang diperkenalkan BiotechCorp bagi penghasilan gula fermentasi generasi kedua (Inisiatif MY2GEN).

**Berkaitan sains kehidupan**

Inisiatif ini adalah bagi menggalak dan membantu dalam pembangunan projek berkaitan sains



Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May pada majlis menandatangani perjanjian usaha sama Projek My2Gen. Turut kelihatan Menteri Perindustrian dan Komoditi (MPIC), Tan Sri Bernard Dompok dan Menteri MOSTI, Datuk Seri Panglima Dr Maximus Johnity Ongkili.

kehidupan dan bioteknologi perindustrian dan dijangka akan dilaksanakan selewat-lewatnya pada suku ketiga 2013.

Inisiatif berkenaan akan bertindak sebagai platform rujukan bagi menyediakan rangka kerja kewangan kepada pihak industri, terutama pengilang sawit sebagai penyumbang biojisim sawit

(tandan kosong) yang berminat untuk melabur dalam projek ini.

MPOB sebagai agensi penyelidikan yang banyak terbabit dalam penyelidikan berkaitan biojisim sawit akan bekerjasama dengan BiotechCorp dan MDVB bagi mengenalpasti teknologi penghasilan gula fermentasi ge-

nerasi kedua.

**Seminar Bio-Borneo 2013**

Majlis berkenaan diadakan sempena perasmian Seminar Bio-Borneo 2013 anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama BiotechCorp dan Sabah Economic Development and Investment Authority

(SEDIA), di sini.

Acara menandatangani perjanjian persefahaman berkenaan turut disaksikan Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Yahya Husin; Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Tan Sri Bernard Dompok; dan Menteri MOSTI, Datuk Seri Panglima Dr Maximus Johnity Ongkili.

## Lebih 1,500 kunjungi pameran Hello Komoditi

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

**Selama:** Lebih 1,500 pengunjung hadir pada pameran Hello Komoditi anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), di sini, baru-baru ini.

Program Hello Komoditi sejajar dengan peranan MPIC yang bertanggungjawab terhadap pembangunan industri komoditi utama negara iaitu kelapa sawit, getah, kayu, koko, tembakau, kenaf dan lada hitam.

“Program ini adalah pendekatan kementerian untuk bertemu masyarakat bagi memaklumkan dan menjelaskan peranan serta kemudahan disediakan MPIC dan

agensi di bawahnya”, kata Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin pada perasmian program berkenaan.

Katanya, program itu adalah bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai kepentingan tanaman komoditi dan produk berasaskan komoditi.

“Penganjuran program ini juga bagi memupuk dan menarik minat golongan belia untuk menceburi bidang pekerjaan di sektor perladangan dan sektor berkaitan agar tidak terlalu bergantung kepada tenaga kerja asing.

“Penyertaan program ini terbuka kepada semua lapisan masyarakat dengan tumpuan kepada pekebun kecil yang dapat memanfaatkan secara langsung program ini,” katanya.



Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin dan isteri, Datin Norashikin memberi ais krim berasaskan sawit kepada pengunjung pameran MPOB sempena Program Hello Komoditi, di Selama, Perak.

Katanya, pekebun kecil dijadikan sasaran bagi memberi kesedaran mengenai kewujudan kemudahan, insentif, skim bantuan dan galakan yang disediakan oleh agensi di bawah MPIC bagi membantu mereka.

“Golongan belia, suri rumah dan masyarakat umum yang berminat menceburi bidang keusa-

hawan dalam sektor komoditi seperti coklat buatan tangan serta produk berasaskan sawit turut dialu-alukan,” kata Hamzah.

Program Hello Komoditi yang julung kali diadakan di sini, merangkumi aktiviti Seminar Komoditi dan pameran sektor perusahaan perladangan dan komoditi yang disertai agensi di bawah

MPIC serta jabatan dan agensi lain.

Penganjuran program seumpama ini memberi manfaat kepada masyarakat setempat bagi menambah pengetahuan serta meningkatkan minat untuk menceburi bidang keusahawanan yang sekali gus memberikan pulangan ekonomi yang baik.

# MPOB buka pejabat baru di Beluran

» *Penubuhan beri khidmat kepada industri, pekebun kecil*

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

Beluran

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menubuhkan sebuah pejabat cawangan bagi memberi khidmat kepada pihak industri terutama pekebun kecil sawit di daerah ini.

Pejabat MPOB Cawangan Beluran yang dirasmikan Ahli Lembaga MPOB, Datuk Tan Yong Gee, di sini, baru-baru ini menempatkan Pegawai Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS) dan akan memberi manfaat kepada pekebun kecil setempat.

“Pejabat ini ditubuhkan MPOB dalam usaha membantu peke-

bun kecil daerah Beluran bagi pelaksanaan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan menggunakan teknologi baharu dalam penanaman sawit.

“Pembukaan pejabat ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pekebun kecil setempat,” katanya.

Menurutnya, sebagai permulaan seramai tiga pegawai TUNAS ditempatkan di pejabat berkenaan dan akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

## Sumbangan ekonomi

Katanya lagi, industri sawit yang semakin berkembang pesat memberi sumbangan penting kepada pembangunan ekonomi negara.

“Kemajuan pesat ini adalah hasil perancangan strategik Kerajaan dengan pembabitkan pihak industri termasuk pekebun kecil sawit.

“Sebanyak 40 peratus kawasan tanaman sawit negara diusahakan pekebun kecil tersusun di bawah agensi kerajaan dan pekebun kecil persendirian yang sekali gus membawa kesejahteraan ekono-



Datuk Tan Yong Gee menyampaikan surat akuan **Skim Bantuan Tanam Semula/Tanam Baru Sawit kepada pekebun kecil sawit** sempena majlis perasmian Pejabat MPOB Cawangan Beluran, Sabah.

mi dan peningkatan taraf hidup penduduk luar bandar,” katanya.

Menurutnya, Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada kemajuan sektor berasaskan pertanian dan pembangunan sosio-ekonomi pekebun kecil yang berada di luar bandar.

Katanya lagi, pekebun kecil sawit turut disaran melaksanakan Amalan Pertanian Baik (GAP) yang bertujuan meningkatkan produktiviti dan seterusnya pengeluaran minyak sawit mampan.

Bagi mencapai objektif pengeluaran minyak sawit mampan, MPOB kini giat menjalankan kempen bagi pensijilan pekebun kecil sawit persendirian yang meliputi GAP, Kod Amalan Baik

MPOB (COP) dan Pensijilan Sawit Mampan (RSPO).

## Beri pendedahan

“Kempen ini bertujuan memberi pendedahan dan kesedaran kepada pekebun kecil mengenai pengeluaran minyak sawit mampan bagi memenuhi permintaan pengguna,” kata Tan.

Menurutnya, pelaksanaan kempen secara berterusan akan dapat meningkatkan kesedaran pekebun kecil untuk membabitkan diri dalam pensijilan kebun sawit masing-masing.

“Ini sekali gus akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti sawit dan pendapatan mereka,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dalam ucapannya yang dibacakan Pengarah Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan MPOB, Wahid Omar, berkata Pejabat MPOB Cawangan Beluran akan memberi khidmat nasihat dan pemindahan teknologi penanaman sawit kepada pekebun kecil di sekitar Beluran, Sapi Nangoh, Kuala Sapi dan Jaya Bakti.

“Penubuhan pejabat ini akan meningkatkan perkhidmatan pengembangan MPOB kepada pekebun kecil,” kata Choo.

Menurutnya, sebelum ini pegawai TUNAS berada di pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beluran.

# MPOB syor ASEAN-MRLs panduan paras racun serangga

Oleh Norizah Halim  
norizah@mpob.gov.my

**Vietnam:** MPOB mewakili kepentingan pekebun sawit, pengeksport dan pengguna produk sawit dalam menyuarakan, mencadangkan dan menyampaikan data-data saintifik hasil kajian lapangan mengenai sisa buangan racun serangga bagi menetapkan paras penggunaan racun serangga yang selamat kepada pengguna.

Pembentangan hasil kajian berkenaan juga akan memudahkan urusan perdagangan produk sawit di antara negara ASEAN dan seterusnya ke seluruh dunia kelak apabila dipersetujui sebagai CODEX-MRLs.

## Bentang hasil kajian

MPOB membentangkan data hasil kajian berkenaan pada Mesyuarat Kumpulan Kerja Elektronik Pakar Racun Serangga Negara-Negara ASEAN ke-17 dalam penetapan paras maksimum sisa

buangan racun serangga yang dibenarkan (ASEAN-MRLs) dalam komoditi makanan di Ho Chi Minh, Vietnam pada Januari lalu.

Mesyuarat dihadiri pakar racun serangga dari negara ASEAN seperti Brunei, Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, Vietnam, Filipina, Laos dan Myanmar.

Mesyuarat dan bengkel mengenai kajian lapangan sisa buangan racun serangga yang berlangsung selama lima hari dirasmikan Pengarah Am Bahagian Perlindungan Tanaman Kementerian Pembangunan Pertanian dan Perhutanan Vietnam (MARD), Dr Nguyen Xuan Hong.

Wakil Malaysia yang turut menghadiri mesyuarat berkenaan adalah MPOB, MARDI dan Bahagian Perlindungan Tanaman dan Racun Perosak, Kementerian Pertanian (MOA).

Mesyuarat ASEAN-MRLs sisa buangan racun serangga diadakan setiap tahun secara bergilir di negara ASEAN.

Antara agenda yang dibincang adalah isu dan cabaran bagi

menggunakan MRLs yang dipersetujui sebagai MRLs di peringkat kebangsaan sebagai contoh, MRLs dalam Jadual ke 16, Akta Makanan Negara Malaysia.

## Setuju ASEAN-MRLs

Mesyuarat juga bersetuju agar semua negara ASEAN menggunakan ASEAN-MRLs sebagai rujukan utama selain dari CODEX-MRLs sekiranya didapati tiada komoditi yang disenarai di peringkat antarabangsa kerana corak pemakanan dan komoditi makanan negara ASEAN yang berbeza dengan negara Barat.

Pada mesyuarat itu juga, MPOB berjaya mendapat kepercayaan penuh hasil dari data saintifik kajian lapangan ke atas tiga kompaun racun serangga ‘organoposporos’.

Mesyuarat juga bersetuju menetapkan paras MRLs yang baru bagi tiga kompaun racun serangga ‘monokrotopos’, ‘metamido-pos’ dan ‘asepat’ dalam minyak sawit mentah sebagai ASEAN-MRLs.

The Palm Oil event of the year is back!

The Malaysian Palm Oil Board is organising

**PIPOC 2013**  
INTERNATIONAL PALM OIL CONGRESS

**19 - 21 November 2013**  
Kuala Lumpur Convention Centre,  
Kuala Lumpur, Malaysia

For more information, please e-mail:  
pipoc2013@mpob.gov.my

Sepintas

## Industri sawit boleh lepassi RM80 bilion

Eksport minyak sawit mampu melepasi RM80.41 bilion yang dicatat tahun 2011. Nilai eksport yang tinggi itu diunjurkan dicatat dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang berikutan permintaan yang kian meningkat.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin, berkata pihaknya sedang mengkaji untuk mengubah industri minyak sawit negara yang kini 80 peratus daripada eksport adalah daripada minyak sawit manakala selebihnya dijana oleh biojisim.

Nilai eksport minyak sawit jatuh 11 peratus kepada RM71.5 bilion disebabkan turun naik harga minyak sawit berikutan faktor-faktor yang di luar kawalan.

## 2,432 permohonan pekebun diluluskan

Sebanyak 2,432 daripada 3,016 permohonan tanaman baharu sawit pekebun kecil (TBSPK) bagi seluruh negeri Sabah diluluskan dengan keluasan 8,439.58 hektar.

Sementara, bagi tanaman semula sawit pekebun kecil (TSSPK) pula, 1,077 daripada 1,469 permohonan diluluskan dengan keluasan 5,325.27 hektar.

Ahli Lembaga, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Tan Yong Gee, berkata jumlah itu meliputi sebanyak 431 permohonan TBSPK dengan keluasan 1,256.77 hektar bagi daerah Beluran termasuk Telupid. Bagi TSSPK pula menyaksikan 485 permohonan yang lulus dengan keluasan 2,166.22 hektar ladang.

Menurut beliau, bantuan menanam semula dan tanaman baharu itu adalah hasil inisiatif Kerajaan yang menggalakkan pekebun kecil menebang pokok sawit tua berusia 25 tahun ke atas. Bagi tujuan ini, Kerajaan menerusi NKEA menyediakan peruntukan RM1.02 bilion bagi tempoh 2012-2013 bagi membantu pekebun kecil untuk menanam semula atau mengusahakan tanaman sawit.

## Buka ladang sawit 8,000 hektar

KUB Agro Holdings Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh KUB Malaysia Berhad akan membangunkan ladang kelapa sawit di tanah seluas 8,000 hektar, bank Tanah Adat Bumiputera (NCR) di Kanowit, Sibul, Sarawak, sekali gus mengunjurkan perolehan melebihi RM100 juta setahun menjelang 2018 berbanding RM40 juta ketika ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Zainal Abidin Salleh berkata, sehubungan itu, kerja pembangunan tanah dijangka bermula dalam suku keempat tahun ini.

Menurutnya, ladang ini akan menggandakan tanaman kami sekarang kepada 200,000 tan setahun dan menjana pendapatan purata kepada syarikat.



Datuk Dr Choo Yuen May menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta kursus. Turut kelihatan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan), Ahmad Sidek Stroo (kiri) dan Pengarah Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan, Wahid Omar (kanan).

# 37 pegawai TUNAS ikuti kursus

» Program dedah peserta kepada prosiding tatatertib ikut undang-undang

Oleh Norhaliza Kasmuri  
eija@mpob.gov.my

► Bangi

Seramai 37 pegawai Tunjuk Ajar Naisihat Sawit (TUNAS) Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengikuti kursus Peraturan-Peraturan Tatatertib, Badan-Badan Berkanun, Tatatertib dan Surcaj (Akta 605) di sini, baru-baru ini.

Kursus berkenaan adalah lanjutan agenda program "Retreat Akta 605 Kepada Ketua Jabatan" iaitu program di bawah Ketua Pasukan Pengesanan, Punitif dan Pemulihan, Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) MPOB.

"Kursus ini diadakan bagi mendedahkan peserta kepada prosiding tatatertib mengikut undang-undang yang ditetapkan serta mendidik peserta dalam usaha meningkatkan disiplin, bidang tugas dan integriti." kata Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May pada majlis penyampaian sijil kepada peserta.

Menurutnya, tatatertib dan surcaj perlu diketahui setiap kakitangan MPOB dan kegagalan mematuhi dalam kes tertentu boleh membawa kepada tindakan buang kerja (dismissed).

"Semua anggota MPOB perlu berpegang kepada prinsip "ignorance of law is no defence" iaitu seseorang kakitangan tidak boleh berkata bahawa dia tidak tahu mengenai undang-undang tatatertib.

Dr Choo turut memetik ucapan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datin Paduka Nurmala Abd Rahim, sewaktu mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan dan Tadbir Urus (JKTU) pada Januari lalu berhubung kenyataan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), ba-

hawa kakitangan awam yang curi tulang dengan melayari laman web sosial (facebook) atau melakukan hal peribadi termasuk berniaga pada waktu bekerja boleh dikira sebagai rasuah.

"Ini kerana, penjawat awam dibayar untuk bekerja selama lapan jam sehari tetapi separuh dari masa bekerja digunakan untuk hal peribadi.

"Ia boleh dianggap sebagai rasuah kerana Kerajaan mengamanahkan kita untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat tetapi sebaliknya kita mengabaikan amanah yang diberikan," katanya.

Menurutnya lagi, berdasarkan kajian

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), 50 peratus daripada tindakan tatatertib yang dikenakan kepada penjawat awam membabitkan kesalahan tidak hadir bertugas.

"Hasil kajian ini dibentang sewaktu Persidangan Pengerusi Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Ke-5 pada 15 hingga 17 Januari 2013.

Katanya, tindakan lebih tegas perlu diambil bagi menangani masalah tidak hadir bertugas bagi memastikan semua anggota MPOB sentiasa berusaha dan komited dalam melaksanakan peranan dengan penuh integriti.

**Pengumuman**

  
MPOB

**SKIM INSENTIF TANAM SEMULA SAWIT 2013 (SITS 2013)**



**OBJEKTIF**

- Bagi menggalakkan penebangan pokok sawit tua dan menanam semula dengan anak benih yang berkualiti. Walau bagaimanapun, insentif ini hanya untuk membiayai sebahagian kos penebangan.

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

- Warganegara Malaysia atau syarikat berdaftar di Malaysia.
- Pemohon adalah terdiri daripada:
  - Pemilik ladang sawit yang mempunyai keluasan melebihi 40.47 hektar;
  - Pakatan kecil di bawah seliaan FELDA; atau
  - Pemilik kawasan tanaman sawit yang kurang dari 40.47 hektar dan berstatus syarikat.
- Memiliki lesen Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang masih sah/kuat pada tarikh permohonan.
- Permohonan dibuka mulai 1 Januari 2013, berdasarkan kepada first come first serve basis (berdasarkan tarikh selesai penebangan kesemua keluasan yang dipohon) sehingga penulisan habis dibekalkan. Kawasan hendaklah dibekalkan antara 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013.
- Had maksimum insentif adalah sehingga 202.35 hektar bagi setiap pemohon/ pemegang lesen MPOB dengan had kadar insentif sebanyak RM1,000 sehektar.
- Pokok sawit berumur 25 tahun dan ke atas.
- Hanya pemohon yang mengamalkan kaedah menebang, meracak dan menyusun pokok sawit tua layak untuk menerima insentif ini.
- Bayaran akan dibuat mengikut keluasan beritanam yang dibekalkan serta disahkan oleh MPOB.
- Jika terdapat sebarang penipuan atau pelanggaran syarat-syarat yang tersenarai di atas, kelayakan akan terbatal secara serta merta dan MPOB berhak menarik balik dan menuntut wang insentif yang dibayar.

LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA, MPOB  
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi  
6, Persiaran Menteri, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor. Tel: 64-3-61111111 fax: 64-3-61111111  
Website: http://www.mpob.gov.my

# Profail pemenang Anugerah Industri Sawit 2011/2012

Oleh Dayang Nazriza Mat Sahri  
dayang@mpob.gov.my

## LADANG KEKAYAAN

**Pemenang Kategori Ladang Keluasan Melebihi 4,000 hektar (Semanjung Malaysia)**

Berkeuasan lebih 4,000 hektar, Ladang Kekayaan yang terletak di Paloh, Johor bernaung di bawah syarikat induk Kuala Lumpur Kepong Berhad (KLK).

Ladang ini memperoleh hasil pengeluaran buah sawit melebihi 27 tan sehektar pada tahun 2011 manakala kadar perahan minyak (OER) yang diperoleh ialah 22 peratus.

Ladang berkenaan melaksanakan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan 'Codes of Practice'.

Proses pembajaan dilakukan secara sistematik dengan purata 8 kilogram bagi setiap pokok setahun dan buah sawit yang dituai akan dihantar terus ke kilang memproses buah dalam masa 24 jam.

Penghantaran dapat dilakukan segera kerana kilang memproses buah terletak berhampiran dengan ladang.

Keunikan ladang berkenaan antara lain ialah menggunakan kerbau sebagai medium mekanisasi jentera bagi aktiviti di ladang dan sistem penuaian CIR2.

Selain itu, Ladang Kekayaan turut dianugerah pensijilan RSPO pada Mei 2010.

Ladang ini turut mengamalkan tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang baik dengan menyediakan pelbagai kemudahan asas untuk pekerja seperti rumah, elektrik dan air.



## PONTIAN SUBOK PLANTATIONS SDN. BHD

**Pemenang Kategori Ladang Keluasan melebihi 1,000 - 4,000 hektar (Sabah)**

Pontian Subok Plantations Sdn Bhd yang terletak di daerah Kinabatangan, Sabah beroperasi di bawah syarikat induk Pontian United Plantation Sdn Bhd dengan keluasan tanaman sawit melebihi 1,800 hektar.

Hasil pengeluaran buah sawit yang diperoleh pada tahun 2011 ialah melebihi 29 tan sehektar setahun dan OER yang diperoleh sekitar 20 peratus.

Majoriti tanah di estet ini jenis aluvium menyebabkan pembajaan di estet ini menggunakan baja sebatian dengan purata sebanyak 10 hingga 12 kilogram bagi setiap pokok setahun.

Penggunaan mekanisasi seperti jentera pengaut, traktor dan lori serta penyelenggaraan jalan ladang yang baik membantu mengeluarkan hasil BTS ke kilang dalam masa 24 jam.

Pihak pengurusan ladang turut mempunyai unit penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi membantu meningkatkan kecekapan pengurusan serta membuat projek berinovasi se-



Pasukan pengurusan Pontian Subok Plantations.

perti sistem pengasingan biji leri dengan kotoran secara graviti yang murah, praktikal dan sangat berkesan.

Ladang berkenaan turut melaksanakan sistem pengawalan banjir dalam ladang sawit yang terbaik di Sabah, yang mampu mengalirkan air banjir keluar dari ladang pada kadar sebanyak 5000 liter sesaat.

Pihak estet juga mengamalkan tanggungjawab korporat (CR) yang sangat baik dengan menyediakan kemudahan asas untuk pekerja seperti rumah, surau, Humana, bekalan elektrik dan air dan melaksanakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan untuk pekerja dan kakitangan yang turut disertai oleh Pengerusi serta Lembaga Pengarah Syarikat.



Sime Darby Plantation (Sabah) menggunakan inovasi MB Hy-Pivot bagi aktiviti pengangkutan buah tandan segar.

## KEMPAS ESTATE

**Pemenang Kategori Ladang Keluasan 1,000 hingga 4,000 hektar (Semanjung Malaysia)**

Kejayaan memperoleh hasil pengeluaran buah tandan segar melebihi 30 tan sehektar setahun dan OER melebihi 20 peratus pada 2011 memberi kelebihan kepada Kempas Estate untuk dipilih sebagai pemenang AISM 2011/2012.

Kempas Estet yang terletak di Jasin, Melaka bernaung di bawah syarikat induk Sime Darby Plantation Sdn Bhd.

Ladang berkenaan mengamalkan sistem pembajaan yang teratur dengan purata 6 kilogram bagi setiap pokok setahun.

Kaedah mekanisasi jentera untuk kerja menuai dan memungut buah tandan segar, membaja, meracun dan lain-lain aktiviti di ladang membantu meningkatkan produktiviti hasil buah tandan segar bagi estet berkenaan.



Ladang berkenaan mengamalkan penghantaran buah tandan segar ke kilang milik Sime Darby Plantation yang berhampiran dalam tempoh 24 jam selepas dituai.

Penyediaan kemudahan seperti perumahan untuk pekerja, bekalan elektrik dan air serta infrastruktur yang lengkap adalah antara CSR estet berkenaan.

## SIME DARBY PLANTATION (SABAH) SDN. BHD

**Pemenang Kategori Ladang Keluasan melebihi 4,000 hektar (Sabah)**

Sime Darby Plantation (Sabah) Sdn Bhd terletak di daerah Tawau, Sabah mempunyai jumlah keluasan tanaman sawit melebihi 10,000 hektar. Hasil pengeluaran buah sawit pada tahun 2011 melebihi 28 tan sehektar setahun dan memperoleh OER melebihi 22 peratus.

Faktor yang mempengaruhi produktiviti hasil sawit adalah sistem pembajaan menggunakan baja tunggal dengan purata sebanyak 9 hingga 10 kilogram setiap pokok setahun serta aplikasi tandan kosong dengan kadar 40 tan sehektar turut diamalkan dengan meluas.

Ditambah dengan infrastruktur ladang seperti jalan, parit dan lorong tuai disediakan dan diselenggara dengan sempurna turut membantu pihak ladang mengeluarkan hasil BTS ke kilang dalam masa 24 jam.

Penggunaan mekanisasi seperti jentera pengaut, traktor, vicon spreader dan lori memudahkan aktiviti ladang dilaksanakan dengan lancar.

Selain itu, ladang turut memperkenalkan inovasi MB Hy-pivot bagi aktiviti mekanisasi pengangkutan BTS dari dalam blok terus ke dalam BTS Bin di tepi jalan. Kaedah ini mampu meningkatkan produktiviti dan kualiti BTS.

Mengamalkan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menyediakan kemudahan asas yang sangat baik kepada pekerja seperti rumah, surau, tadika, klinik, padang permainan, bekalan elektrik dan air serta melaksanakan banyak aktiviti kemasyarakatan untuk pekerja, kakitangan serta penduduk kampung yang berdekatan.

Ladang juga amat menitikberatkan amalan keselamatan (safety) di tempat kerja pada tahap yang terbaik.

Selain itu, estet ini telah memperoleh pensijilan RSPO serta persijilan ISCC (International Sustainability and Carbon Certification).

## SOP PLANTATIONS (BALINGIAN) SDN BHD

**Pemenang kategori Ladang Keluasan melebihi 1,000 - 4,000 hektar (Sarawak)**

SOP Plantations (Balingian) Sdn Bhd yang terletak di Mukah, Sarawak beroperasi di bawah syarikat induk Sarawak Oil Palm Berhad dengan keluasan tanaman sawit melebihi 3,500 hektar.

Hasil pengeluaran hasil buah sawit pada tahun 2011 melebihi 28 tan sehektar setahun dengan OER yang diperoleh sekitar 19 peratus.

Estet ini melaksanakan amalan pengurusan terbaik (best management practices) bagi penanaman sawit di tanah gambut khususnya pengurusan air ladang dan pemeliharaan tumbuhan tutup bumi asli (Nephrolepis).

Selain itu, estet turut mengamalkan pembajaan seimbang berdasarkan syor ahli agronomi berpandukan keputusan analisa nutrien daun dan penanaman tumbuhan berfaedah bagi mengawal perosak secara bersepadu.

Sementara itu, aktiviti penuaian dan pengangkutan hasil buah sawit adalah secara 'single handling' iaitu 'bin system' bagi mengekalkan kualiti tandan sawit.

Estet mengamalkan CSR yang baik dengan menyediakan infrastruktur lengkap untuk pekerja seperti ruang pejabat, rumah kediaman, tempat ibadat dan sebagainya serta menjalankan amalan keselamatan di tempat kerja pada tahap terbaik.

## LADANG KUALA SUAI

**Pemenang Kategori Ladang Keluasan melebihi 4,000 hektar (Sarawak)**

Ladang Kuala Sui beroperasi di bawah syarikat induk Tradewind Plantation Berhad dan terletak di daerah Miri, Sarawak. Estet ini mempunyai keluasan tanaman sawit melebihi 4,000 hektar.

Pada 2011 jumlah pengeluaran hasil buah sawit melebihi 28 tan sehektar setahun dan OER yang diperoleh sekitar 20 peratus.

Peningkatan produktiviti hasil estet adalah disebabkan estet ini melaksanakan amalan pengurusan terbaik (best management practices) bagi aktiviti penanaman sawit di tanah gambut seperti menyediakan sistem parit ladang yang sempurna untuk mengawal paras air ladang di tahap optimum, memelihara tumbuhan tutup bumi asli (Nephrolepis) bagi pemeliharaan kelembapan tanah, pembajaan sawit yang lengkap dan seimbang berdasarkan syor ahli agronomi, penanaman tumbuhan berfaedah bagi tujuan kawalan perosak secara bersepadu.

Pihak estet turut mengamalkan CSR dengan baik dengan menyediakan infrastruktur yang lengkap untuk kemudahan dan keselesaan kakitangan dan pekerja ladang terutamanya rumah kediaman, bekalan air dan elektrik. Estet juga mengambil berat mengenai amalan keselamatan (safety) di tempat kerja.



Antara infrastruktur yang terdapat di Ladang Kuala Sui.

PROFAL PEMENANG ANUGERAH INDUSTRI SAWIT MALAYSIA

# Sistem berinovatif pulihara anak benih

» Tapak semaian FELDA Agricultural Services terima anugerah

Oleh Zulkifli Abd Manaf  
zulmanaf@mpob.gov.my

Berkeluasan 17 hektar serta berupaya menempatkan 200,000 anak benih pada satu-satu masa memberi kelebihan kepada Tapak Semaian FELDA Agricultural Services Sdn Bhd yang terletak di Sg Tekam, Jerantut, Pahang dipilih sebagai pemenang Anugerah Industri Sawit Malaysia (AISM) 2011/2012 bagi Kategori Tapak Semaian anjuran MPOB baru-baru ini.

Kelebihan lain, tapak semaian ini mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap serta berinovasi di dalam pengurusan nurseri sawit.

Pengurusan nurseri diketuai pegawai berkelayakan dalam bidang agronomi serta berpengalaman mengurus nurseri sawit, Zaharuddin Mohd Said yang dibantu Penolong Pengurus, Mo-



Pada peringkat Tapak Semaian Kecil, anak benih dibesarkan melalui sistem automasi pot tray dan juga penggunaan polibeg.

hd Nasrum Yusoff serta 13 pekerja.

## Sistem semaian dua peringkat

Di tapak semaian itu, anak benih sawit dibesarkan bermula di peringkat semaian biji cambah sehingga berumur dua belas bulan melalui sistem semaian dua peringkat iaitu Tapak Semaian Kecil dan Tapak Semaian Besar.

Pada peringkat Tapak Semaian Kecil anak benih dibesarkan melalui sistem automasi pot tray dan juga penggunaan polibeg bersaiz 15 cm x 23cm (6 inci x 9 inci). Penempatan anak benih dalam kawasan kanopi yang direkabentuk khas dapat menentukan penggunaan minimum bahan kimia untuk kawalan perosak dan penyakit.

Pelaksanaan sistem berinovasi berkenaan telah dapat memastikan anak benih sentiasa mendapat bekalan baja dan air yang mencukupi serta melalui proses tumbesaran yang baik sekali gus membolehkan proses penakiaian dilakukan dengan sempurna dan hanya anak benih terpilih sahaja dipindahkan ke Tapak Semaian Besar.

Anak benih di Tapak Semaian Kecil yang terpilih berumur tiga hingga empat bulan kemudian dipindahkan ke polibeg 38 cm x 45 cm (15 inci x 18 inci) di Tapak Semaian Besar.

Di Tapak Semaian Besar pula, keperluan yang sempurna bagi tumbesaran anak benih seperti perantara pertumbuhan, nutrien, ruang tumbesaran, bekalan air, kawalan rumpai, perosak dan penyakit dan sebagainya telah dipastikan mencukupi, diurus dengan baik dan sentiasa dipantau.

Ini adalah bagi menentukan anak benih tumbuh dengan baik dan seragam serta mencapai tahap kualiti yang tinggi membolehkan proses penakiaian yang sempurna dilaksanakan.

Hasilnya, hanya anak benih yang subur, normal serta bebas dari serangan perosak dan penyakit seterusnya berpotensi memberi hasil sawit yang tinggi saja dikeluarkan apabila mencapai umur 12 bulan untuk penanaman di ladang atau dijual kepada pihak luar.

Selain kelebihan dalam aspek pengurusan, tapak semaian ini juga telah mematuhi sepenuhnya piawaian Kod Amalan Baik bagi Pengurusan Tapak Semaian - Code Of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries (CoPN).

## Kim Ma Oil Palm (Transport) komited niaga buah sawit

Oleh Nor Hayati Muhammad dan Wan Anuyah Wan Othman

Kim Ma Oil Palm (Transport) Sdn Bhd mula beroperasi sejak tahun 2005. Pada asalnya syarikat ini menggunakan nama Kim Ma Trading dan apabila semakin berkembang, perniagaan ini diberi nama baru iaitu Kim Ma Oil Palm (Transport) Sdn Bhd.

Syarikat ini memiliki beberapa premis timbang di seluruh negeri Pahang seperti di Kuantan, Maran, Rompin, Raub dan Temerloh.

Ia kini memperluaskan perniagaan dengan membuka beberapa cawangan negeri seperti Pahang, Terengganu, Kelantan, Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Johor, Sabah dan Sarawak.

Syarikat yang mempunyai 100 kakitangan pelbagai bangsa ini sentiasa memastikan semua premis timbang miliknya dikawal selia kakitangan yang mempunyai sijil penggredan buah sawit yang dikeluarkan MPOB.

Ia bertujuan memastikan se-

tiap buah sawit yang diterima dan dihantar ke kilang oleh pengurusan syarikat mempunyai kualiti yang baik.

Bagi memastikan buah sawit daripada estet adalah bermutu, syarikat juga melantik dua pekerja yang berada sepanjang masa untuk menggred buah sawit yang dituai pihak estet sebelum dihantar ke kilang.

Susulan tindakan syarikat yang menekankan kepada amalan perniagaan buah sawit yang baik, berjaya menarik kepercayaan pelanggan khususnya pekebun kecil dan estet milik agensi kerajaan seperti RISDA, LKPP, Kurnia Setia, FELCRA dan FELDA untuk terus berurusan dengan syarikat.

Pemegang lesen ini sentiasa memberi kerjasama yang baik kepada MPOB dengan pematuhan terhadap perundangan MPOB.

Antara faktor kejayaan yang menyebabkan perniagaan syarikat ini makin maju adalah perkhidmatan berterusan yang diberi kepada pekebun kecil seperti perkhidmatan penuaian.

Perkhidmatan ini nyata dapat membantu mengurangkan masalah buruh asing khususnya kepada pekebun kecil yang tidak mampu untuk mengupah pekerja asing bagi menguruskan kebun.

Dengan menyediakan khidmat penuaian buah sawit kepada pekebun kecil, syarikat ini secara tidak langsung dapat memastikan setiap buah sawit yang dituai betul-betul masak serta mengelakkan berlakunya penuaian buah sawit muda.

## Jualan baja secara kredit

Bagi menangani masalah pekebun kecil yang tidak mampu membeli baja sawit kerana kos baja yang semakin meningkat, syarikat ini turut menyediakan perkhidmatan penjualan baja secara kredit dan bayaran ditolak secara ansuran melalui potongan hasil jualan buah sawit.

Tujuan khidmat ini disediakan adalah bagi memastikan setiap pokok sawit terpelihara dengan baik agar memperoleh hasil tuaian yang berkualiti. Kaedah yang dilakukan ialah bekerjasama de-



Syarikat melantik pekerja untuk menggred buah sawit dituai pihak estet sebelum dihantar ke kilang.

ngan pembekal baja dan kemudiannya mengumpulkan semua pembekal buah sawit untuk diberi penerangan mengenai kaedah penggunaan baja yang betul sebagaimana disarankan MPOB.

Di samping itu, syarikat juga mempunyai inisiatif sendiri dengan mengumpul semua pembekalnya khususnya pekebun kecil dan meminta pegawai MPOB untuk mengadakan taklimat penggredan buah sawit mengikut manual penggredan buah sawit yang disediakan MPOB.

Ini bertujuan supaya pembe-

kal atau pekebun kecil berkongsi pengetahuan mengenai tahap masak buah sawit sebagai langkah kesedaran pentingnya menuai hanya buah sawit yang cukup tahap masaknya.

Syarikat ini juga memberikan kadar bayaran mengikut harga ditetapkan MPOB kepada setiap pembekal buah sawitnya yang bertujuan mengelak timbulnya rasa tidak puas hati di kalangan pembekal, khususnya pekebun kecil, jika harga yang diberikan berbeza dengan harga yang ditetapkan MPOB.

# Mula secara kecil-kecilan

» Mohd Janis usaha pelbagai bidang pertanian kukuhkan perniagaan

Oleh Razman  
razman@mpob.gov.my

Seluas 32 hektar tanah miliknya ditanam sawit, 16 ekar lagi dengan tanaman getah sementara 8 ekar diusahakan sebagai tapak semaian sawit oleh pekebun kecil ini di samping belian buah tandan segar (BTS) purata bulanan sebanyak 7,000 tan.

Mohd Janis Abu Bakar, 55, turut mengusahakan integrasi tanaman pisang, keladi dan ubi kayu, ternakan lembu dan belian getah dengan hasil bulanan mencecah 150 tan bagi menambah pendapatan.

Beliau menetap di Kg Parit Kassan, Ledang, Johor, bersama isteri, Tuminah Hasan Muali, 53. Sesuatu yang menarik pada pasangan ini ialah mereka berkongsi tarikh lahir iaitu 16 Mei dan hasil perkongsian hidup dikurniakan enam cahaya mata yang berusia antara 12 hingga 32 tahun.

Ketika berkongsi kejayaan beliau melalui industri sawit dan pertanian yang diusahakan sejak tahun 1980, Mohd Janis bermula dengan bertindak sebagai pemungut BTS dan menjadi pekebun serta menjual kepada peraih menggunakan motosikal trailer dengan hasil jualan satu tan sehari.

## Jadi ejen PPK

Rentetan dari itu, beliau membeli sebuah lori satu tan pada tahun 1984 dan menjadi orang tengah atau ejen kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Koperasi RISDA untuk aktiviti jual beli buah tandan segar.

Selepas itu, beliau mula membeli kebun getah seluas tiga ekar dengan harga RM16,000 pada tahun 1984. Pada tahun 1990, kebun getah berkenaan ditebang dan ditanam dengan tanaman sawit.

Melihat kepada peluang dan ruang yang ada, pada tahun 1990 beliau mula memohon lesen peraih BTS daripada PORLA (sekarang MPOB) dengan aktiviti bermula di kawasan kediamannya dan berkembang dengan menyewa tapak yang lebih luas pada tahun 1995 sebelum membeli tapak perniagaan yang sedia ada kini pada tahun 2000.

Sejajar usaha gigihnya, beliau kini mempunyai sembilan trailer dan 29 lori serta 99 pekerja tempatan untuk membantu aktiviti dan operasi perusahaan sawit dan pertanian yang dijalankan. Perniagaan beliau yang berkembang ini juga turut memberi manfaat dan membuka peluang pekerjaan terhadap penduduk setempat.

Pokok sawit yang dimiliki kini berumur dari 2 tahun hingga 22 tahun. Sebelum itu tanah berkenaan ditanam pokok getah yang ditebang dan dibersihkan sendiri bersama arwah bapanya secara manual dengan menebang, menebas dan membakar.

Menurut Mohd Janis, kebanyakan kebun yang ditebang untuk ditanam dengan sawit bermula sekitar tahun 1998. Anak benih sawit yang ditanam di ladang adalah sumber dari Guthrie (kini



Mohd Janis memberi makan kepada lembu peliharaannya.

Sime Darby) melalui peringkat umur 10-12 bulan dengan kepadatan tanaman 148 pokok sehektar iaitu dengan jarak 8.8m x 8.8m x 8.8m segi tiga sama.

## Kawalan serangga perosak

Pada peringkat awal tanaman sawit, beliau mengawal perosak kumbang badak dengan menggunakan racun Furadan pada kadar 15g/pokok dengan pusingan dua kali sebulan.

Bagi kawalan rumpai pula, racun jenis sentuh (Basta) digunakan pada tanaman sawit kurang dari lima tahun secara bulatan dan rumpai jenis lembut dibiarkan tumbuh secara terkawal untuk mengawal kelembapan tanah dan hakisan.

Kaedah penyemburan terpilih untuk kawalan rumpai jenis anak kayu dan kawalan rumpai secara bulatan dengan menggunakan racun jenis serap (Ecomax) bagi kawasan sawit matang.

Aktiviti meracun dijalankan tiga kali setahun serta bergantung pada tahap pertumbuhan rumpai. Penyelenggaraan kebun dijalankan mengikut jadual ditetapkan. Beliau menggunakan baja sebatian MPOB F1, MPOB F4 dan organik dengan kadar 10kg/pokok/tahun dengan empat

pusingan setahun dengan jenis baja bergilir-gilir.

Pemangkasan sawit dibuat dua kali setahun bagi menjamin tanaman sawit mempunyai bilangan pelepah yang mencukupi dan kelembapan kawasan yang baik.

Selain itu, bagi mencapai pendapatan yang baik, beliau hanya menuai BTS yang masak mengikut prosedur ditetapkan MPOB dengan pusingan menuai 12 hari sekali.

BTS yang dituai dikumpul di pusat timbang untuk proses pengedaran sebelum dihantar ke kilang dalam tempoh kurang dari 24 jam. Oleh itu, kadar perahan minyak (OER) yang diterima dari kilang adalah tinggi.

## Hasil memberangsangkan

Hasil BTS yang direkodkan pada tahun 2011 ialah 36.05 tan sehektar setahun.

Selain itu, beliau juga menggunakan sepenuhnya tanah tanaman sawit belum matang dengan integrasi tanaman pisang, keladi dan ubi kayu serta ternakan lembu yang berjumlah 700 ekor dengan purata sembelihan serta jualan setiap bulan sebanyak 100 ekor.

Beliau berkata, selain daripada

berusaha dan yakin pada diri sendiri, beliau juga banyak mendapat tunjuk ajar daripada agensi Kerajaan seperti MPOB, RISDA, Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar dan FAMA untuk mengusahakan tanaman sawit, getah dan aktiviti pertanian yang diceburi sekarang.

## Khidmat sosial

Antara khidmat sosial untuk masyarakat setempat dan jawatan yang disandang beliau pada tahun 2012 adalah Ahli Jawatankuasa (AJK) UMNO Bahagian Ledang; Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Kontraktor dan Usahawan Ledang; Timbalan Pengerusi Kg Parit Kassan; Pengerusi PIBG Sekolah Kebangsaan Parit Kassan; Timbalan Pengerusi Sekolah Agama Parit Kassan dan AJK Persatuan Peniaga Sawit Malaysia.

Beliau yang kini Pengerusi Peniaga Sawit Daerah Ledang dan Timbalan Pengerusi Peniaga Sawit Negeri Johor menerima Anugerah Pekebun Kecil Terbaik (Sawit dan Getah) daripada RISDA pada tahun 2008. Anugerah lain diterima ialah Anugerah Kece merlangan Peniaga Buah sebanyak empat kali iaitu pada tahun 1996, 2007, 2010 dan 2011.

# Gigih berusaha rahsia kejayaan

Oleh Shakir Alid dan M Fadyly Mustapa  
shakir@mpob.gov.my

Usaha gigih dan inisiatif adalah elemen penting bagi pekebun kecil ini dalam menguruskan kebun miliknya yang seluas 11.68 hektar di Kampung Sapang, Kunak, Sabah.

Sebelum terbabit sepenuh masa dalam bidang penanaman sawit dan penternakan, beliau pernah berkhidmat sebagai setiausaha kepada Dewan Perniagaan dan Perindustrian pada tahun 1990 sehingga 1991.

Pekebun kecil yang dipilih sebagai pemenang Kategori Peke-

bun Kecil (Sabah) bagi Anugerah Industri Sawit Malaysia (AISM) 2011/2012, Lai Siang Ann, 55, ini berasal dari Klang, Selangor dan kini menetap bersama isteri, Chong Nyet Ngo di Kunak, Sabah.

## Rajin berusaha

Pekebun kecil yang mempunyai dua cahaya mata ini berpendidikan sehingga tingkatan empat dan seorang yang rajin berusaha dalam mempelajari ilmu berkaitan perladangan, ternakan di samping menghadiri pelbagai kursus, seminar, ceramah dan program dianjurkan pelbagai agensi seperti Jabatan Hidupan Liar dan juga MPOB.

Beliau mulai mengusahakan

penanaman sawit pada tahun 1996 menggunakan bahan tanaman DxP yang diperoleh daripada Jabatan Pertanian Sabah.

Amalan sistem penanamannya adalah segi tiga sama dengan ukuran 30 kaki x 30 kaki x 30 kaki dengan kepadatan sebanyak 136 pokok bagi setiap hektar. Kini keluasan penanaman sawit di kebun beliau mencecah 9.72 hektar.

Bagi memastikan pokok sawit sentiasa subur dan untuk memastikan peningkatan hasil buah tandan segar (BTS), beliau menggunakan baja yang diformulasi MPOB seperti MPOB F1 dengan kadar 6 kg/pokok/tahun, MgO 3 kg/pokok/tahun, HI.KAY 6 kg/pokok/tahun, Boron 100 g/pokok/ta-



Siang Ann melihat daripada sebahagian ternakan kambing yang diusahakannya.

hun dan juga baja organik mengikut keperluan.

## Guna kaedah biologi

Bagi kawalan rumpai pula, beliau menggunakan kaedah biologi melalui ragutan rumput binatang ternakan dan menggunakan ka-

edah manual menggunakan parang bagi membasmi anak kayu.

Aktiviti penuaian dilakukan dua pusingan sebulan iaitu setiap 12-15 hari, di mana piawaian sebiju biji buah leri diamalkan bagi memastikan buah yang dituai adalah masak dan berkualiti.



# Interaksi bincang situasi industri



REACH & REMIND FRIENDS OF THE  
INDUSTRY SEMINAR 2013 & DIALOGUE  
CHALLENGES AND  
OPPORTUNITIES IN 2013

Guest of Honour & Keynote Address by  
**YB Tan Sri Bernard Dompok**  
Minister of Plantation Industries and Commodities, Malaysia  
4<sup>th</sup> February 2013



Tan Sri Bernard Dompok turut serta dalam **sesi dialog dengan penggiat industri sawit dipengerusikan** oleh Pengerusi MPOC, Dato' Lee Yeow Chor (dua dari kiri). Turut kelihatan, Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron (kiri), Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad (dua dari kanan) dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi M Nagarajan (kanan).

## » Seminar Reach & Remind 2013 ketengahkan cabaran dan peluang dalam industri Sawit

Program ini adalah satu usaha MPOC menggalakkan interaksi lebih erat antara Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi dengan industri minyak sawit Malaysia untuk membincangkan isu-isu, berkongsi peluang dan cabaran terkini yang dihadapi industri minyak sawit.

Di dalam ucapan utama beliau, Tan Sri Bernard Dompok, berkata sektor komoditi adalah antara penyumbang terbesar kepada pendapatan eksport negara.

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2012, pendapatan eksport minyak sawit dan produk sawit mencatatkan jumlah RM71.4 bilion, turun sebanyak 11.2 peratus berbanding tahun 2011.

### Eksport meningkat

Ini disebabkan oleh harga purata MSM yang lebih rendah pada tahun lalu. Bagaimanapun, eksport minyak sawit dan produk sawit mencatatkan sedikit peningkatan, iaitu sebanyak 24,560,000 tan berbanding 24,270,000 tan pada tahun 2011.

Jumlah stok MSM yang tinggi, iaitu sebanyak 2,630,000 tan yang dicatatkan pada akhir tahun 2012 adalah antara faktor membimbangkan industri.

Beberapa langkah diperkenalkan Kerajaan untuk menangani



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan ucapan utama di **'Seminar dan Dialogue Reach & Remind Friends of the Industry: Challenges & Opportunities in 2013'** anjuran MPOC

“Antara langkah-langkah yang diambil adalah pengenalan semula skim penanaman semula, di mana RM1,000 sehektar disediakan sebagai insentif untuk mempercepatkan penanaman semula pokok tua dan tidak produktif”

**Tan Sri Bernard Dompok,**  
Menteri Perusahaan  
Perladangan dan Komoditi

situasi ini.

“Antara langkah diambil adalah pengenalan semula skim penanaman semula, di mana RM1,000 sehektar disediakan sebagai insentif untuk mempercepatkan penanaman semula pokok tua dan tidak produktif.

“Ini membabitkan penanaman semula kira-kira 100,000 hektar pokok sawit tua dan akan mengakibatkan pengurangan sebanyak 350,000 tan pengeluaran minyak sawit, sekali gus membantu mengurangkan paras stok ke tahap normal,” kata Tan Sri Bernard Dompok.

Beliau menambah, “selain itu, kita mungkin akan mengekalkan cukai eksport pada sifar peratus pada bulan Februari, memandangkan harga purata bulanan

MSM tidak menunjukkan tanda-tanda mencecah RM2,250.”

### Laksana B10

Kerajaan juga sedang berusaha mempercepatkan pelaksanaan program B5 ke seluruh negara dan juga melaksanakan B10 untuk sektor bukan subsidi.

Sektor hiliran lain, khususnya penapisan juga akan mendapat manfaat daripada langkah berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Tan Sri Bernard Dompok mengulas mengenai kempen anti minyak sawit oleh NGO barat.

Walaupun terdapat banyak syarat pensijilan antarabangsa ke atas prinsip kemampanan dikenakan, semuanya ditepati oleh syarikat perladangan Malaysia seperti Roundtable on Sustainable

Palm Oil (RSPO) dan International Sustainability and Carbon Certification (ISCC).

Bagaimanapun, pihak NGO masih tidak puas hati dan tidak dapat menerima usaha sukarela dibuat syarikat perladangan sawit melalui skim pensijilan berkenaan.

Menurut beliau: “Walaupun NGO barat terus melobi menentang industri kita, sebenarnya kita terus menjual lebih banyak minyak sawit Malaysia ke seluruh dunia, tahun demi tahun.

“Kita juga bekerjasama dengan jenama antarabangsa yang menggunakan minyak sawit. Walaupun mereka menjadi sasaran kempen anti minyak sawit, mereka dengan bangganya mempertahankan rumusan produk mereka.”

Satu contoh yang dapat dilihat baru-baru ini di Perancis adalah Nutella, antara pengeluaran sapuan coklat terkenal di dunia yang menggunakan minyak sawit sebagai bahan utama.

Nutella mempertahankan penggunaan minyak sawit Malaysia secara terbuka dan berani.

Tan Sri Bernard Dompok memberi jaminan bahawa Kerajaan akan terus membantu industri sawit Malaysia untuk menangani halangan dihadapi dalam menembusi pasaran baru serta menjadikan industri minyak sawit lebih berdaya saing.

Sejajar inisiatif Kerajaan, semua yang terbabit di dalam industri minyak sawit adalah di galakkan untuk melaksanakan strategi ke arah penambahbaikan yang berterusan untuk memberi lebih keyakinan kepada para pengimporth minyak sawit Malaysia dari serata dunia.

**Reach & Remind Friends of the Industry Seminar 2013 and Dialogue: Challenges and Opportunities in 2013** dianjurkan MPOC untuk menerangkan isu semasa dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh industri minyak sawit Malaysia serta juga peluang untuk penggiat industri minyak sawit berdialog secara terbuka dengan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok serta ahli panel yang mewakili Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan juga Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

# Minyak sawit Malaysia diterima

Sektor minyak dan lemak dunia terdiri daripada 17 jenis minyak dan lemak. 13 daripadanya adalah minyak sayuran dan empat adalah minyak dan lemak haiwan. Minyak sawit adalah yang terbesar dikeluarkan dan didagangkan. Penerimaannya adalah Malaysia dan Indonesia dengan menguasai lebih 80 peratus dari pasaran dunia.

Pada tahun 2011, keluasan tanaman sawit di Malaysia adalah 5 juta hektar dengan pengeluaran minyak sawit mentah 18.9 juta tan. Jumlah eksport produk berasas sawit pula mencecah 24.3 juta tan bernilai RM80.4 bilion. Prestasi industri sawit tahun 2012 sedikit merosot disebabkan kejatuhan harga tetapi jumlah eksport masih tinggi iaitu 24.6 juta tan.

Fakta diatas menunjukkan masyarakat dunia masih memberikan kepercayaan kepada produk-produk industri sawit Malaysia. Di seluruh pelusuk dunia minyak sawit negara digunakan sama ada di negara China, Kesatuan Eropah, Pakistan, India, Amerika Syarikat, Afrika Selatan, Turki, Iran, Russia, Australia, Timur Tengah, Bangladesh, mahupun negara-negara ASEAN. Sememangnya minyak sawit mempunyai banyak khasiat dan keistimewaan. Minyak sawit menjadi pilihan utama pengguna dan pengilang bagi memproses dan menghasilkan produk makanan berasaskan lemak. Ia seperti minyak masak, marjerin, lemak, vanaspati, ais-krim, santan, analog keju, hasilan coklat dan hasilan bukan tenusu.

Malaysia menjadi pencetus bagi pengeluaran minyak sawit merah, minyak berkhasiat Smart Balance dan Novelin, Vitamin E, Karotin, biodiesel, produk kosmetik, poliuretana

dan bahan pencuci. Terkini Asid Shikimic dari sawit digunakan sebagai bahan mentah bagi menghasilkan TAMIFLU mencegah H1N1.

Minyak sawit olein mempunyai takat lebur 20 darjah Celcius digunakan secara meluas sebagai minyak masak untuk hampir semua jenis masakan. Ia sebagai minyak tanpa lemak trans yang stabil pada suhu tinggi melebihi 180 darjah Celcius. Minyak sawit olein yang diperingkat dua kali mempunyai titik berawan rendah dan boleh

digunakan bagi pembuatan mayonis. Minyak sawit berprestasi tinggi pula (Novelin) sangat sesuai bagi pasaran negara-negara sejuk.

Malaysia menerusi MPOB dan syarikat swasta terus membuat penyelidikan dan pembangunan bagi mempelbagaikan kegunaan minyak sawit dan penghasilan produk lebih sihat. Ini bagi memastikan minyak sawit negara terus mengungguli pasaran bagi produk makanan, bukan makanan dan bahan bakar.

## Produk mesra alam

Perkembangan pasaran minyak sayuran dunia kini semakin beralih kepada produk yang mesra alam. Sememangnya Malaysia telah bersedia dan berjaya dalam pengeluaran sawit secara mampan, mesra alam dan selamat digunakan. Ladang sawit dan kilang sawit Malaysia melaksanakan piawaian menjurus ke arah itu. Amalan Pertanian Baik (GAP), Kod Amalan MPOB (COP) dan Pensijilan Meja Bulat Sawit Mampan (RSPO) sentiasa dititikberatkan dalam operasi harian di peringkat perladangan dan pengilangan.

Industri sawit negara tidak lekang dengan cabaran dari pesaing minyak

sayuran lain. Pelbagai helah kemampanan dan pemakanan dicipta bagi menyukarkan minyak sawit memasuki beberapa pasaran dunia. Contohnya isu pelabelan minyak sawit di Australia dan Perancis, perundangan biobahan api di Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah, piawaian CODEX mengenai lemak tepu dan piawaian AQSIQ di China mengenai kualiti minyak sayuran. Di India pula mengenai struktur cukai minyak sawit dan spesifikasi Free Fatty Acid (FFA).

## Yakin kelebihan minyak sawit

Tidak ketinggalan kempen negatif beberapa NGO asing mengenai kemusnahan alam sekitar dan kepupusan hidupan liar. Apapun, sektor perladangan sawit negara telahpun mengamalkan amalan mampan dan pertanian baik dalam aktiviti penanaman dan penghasilan minyak sawit.

Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, penerimaan minyak sawit di kalangan pengguna industri seluruh dunia masih baik. Pihak industri makanan, bukan makanan dan biobahan api masih yakin dengan kelebihan minyak sawit. Harga minyak sawit yang masih rendah berbanding soya dan sesawi memberikan kelebihan dan daya saing terbaik berbanding minyak dan lemak lain.

Malaysia melalui MPOB telah berusaha gigih bagi meningkatkan imej minyak sawit negara di kalangan pengguna sedia ada dan pasaran baru. MPOB juga bersedia dengan fakta kajian lengkap bagi menangani setiap isu dan cabaran yang ditimbulkan. Hasil usaha berterusan sama ada melalui persidangan, seminar, pameran, ekspo perdagangan, penulisan dan sebagainya telah membuka mata masyarakat antarabangsa mengenai industri sawit negara yang mampan, mesra alam dan selamat lagi berkhasiat. Mereka tidak ragu-ragu menggunakan produk minyak sawit keluaran Malaysia.

## INFO

### PEMENANG PERTAMA

- **Rabiatul Azimah** Ahmad Ghazali
- NO. K/P: 980702-56-5484
- **SMK Darul Ehsan**, Selayang Baru, 68100 Batu Caves, Selangor

## Peraduan mengarang esei Berita Sawit Mac 2013

Peraduan ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan dituliskan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: "Minyak sawit sesuai sebagai bahan api mesra alam. Bincangkan".

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah

Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;  
 Hadiah Pertama : RM250  
 Hadiah Kedua : RM200  
 Hadiah Ketiga : RM150  
 Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan April 2013 akan datang.

### Syarat Penyertaan

- Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
- Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan
- Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)
- Keputusan juri adalah muktamad
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada 22 Mac 2013
- Hantarkan penyertaan ke alamat: Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit

Ibu Pejabat MPOB  
 6, Persiaran Institusi,  
 Bandar Baru Bangi,  
 43000 Kajang, Selangor  
 u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Perhubungan Awam)  
 Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Februari 2013  
 Pemenang:  
**Hadiah Pertama**  
 Rabiatul Azimah Ahmad Ghazali  
 (No. K/P: 980702-56-5484)  
 SMK Darul Ehsan, Selayang Baru,  
 Batu Caves, Selangor  
 Hadiah Kedua  
 Faez Amirul Azman  
 (No. K/P: 960703-01-5259)  
 SMKA Maahad Muar,  
 Muar, Johor  
**Hadiah Ketiga**  
 Muhammad Arif Azahari Zailani  
 (No. K/P: 970328-11-5061)  
 SMS Hulu Terengganu,  
 Hulu Terengganu, Terengganu

## KUIZ SAWIT siri 27

### ● Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah;
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang;
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 22 Mac 2013
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

### ● Ketua Pengarang Berita Sawit

Kuiz Sawit (Siri 27)  
 Ibu Pejabat MPOB  
 6, Persiaran Institusi,  
 Bandar Baru Bangi,  
 43000 Kajang, Selangor  
 (UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

### Soalan Kuiz Sawit Siri 27

1. Apakah nama penuh bagi MPOB?  
 Malaysian Palm Oil Board     Malaysian Palm Oil Berhad  
 Malaysian Palm Oil Bangi
2. Dimanakah letaknya Ibu Pejabat MPOB?  
 Bangi     Kuala Lumpur     Petaling Jaya
3. Apakah vitamin yang terdapat dalam minyak sawit?  
 Vitamin B     Vitamin C     Vitamin A dan E
4. Namakan jenis burung yang menjaga pokok sawit dari diserang makhluk perosak?  
 Burung Nuri     Burung Tiong     Burung Hantu
5. Permohonan lesen pekebun kecil baru boleh dibuat secara online menerusi  
 e-peniaga     e-pelesenan     e-regISTRATION
6. Apakah nama portal yang mengurusniagakan biji dan anak benih sawit secara online?  
 e-sawit     e-niaga     e-Benih
7. Apakah nama minyak biodiesel yang dihasilkan oleh MPOB yang digunapakai oleh masyarakat umum?  
 B5     B6     B7
8. Antara berikut, manakah bukan biojisim sawit bagi menghasilkan produk?  
 Pelepah Sawit     Batang Sawit     Akar Sawit
9. Pilih satu sepsis buah sawit yang ditanam di Malaysia?  
 Dura     Elaeis     Rossa
10. Buah sawit boleh dikait dengan menggunakan Pemotong Sawit Bermotor. Apakah nama mesin tersebut?  
 CANTAC     CANTAS     Sawit Bermotor

### Borang Penyertaan Siri 27

Nama : \_\_\_\_\_  
 Tahap : \_\_\_\_\_  
 Alamat Sekolah : \_\_\_\_\_  
 Alamat Rumah : \_\_\_\_\_  
 No. Tel: \_\_\_\_\_

### Nama pemenang Siri 26

- **1. Aqilah Mohd Ali**  
 Sek. Keb. Pusat Chebang Tiga, Kuala Terengganu, Terengganu
- **2. Nurain Afiqah Yusoff**  
 Sek. Keb. Taman Koperasi Polis, Fasa 2, Kuala Lumpur
- **3. Athirah Saleha Md Solehuddin**  
 Sek. Keb. Felda Tenggaroh 3, Mersing, Johor
- **4. Anuar Abdullah**  
 Sek. Keb. Sungai Kantan, Kajang, Selangor
- **5. Nurain Natasha Mohd Rashid**  
 Sek. Keb. Felda Tenggaroh 3, Mersing, Johor
- **6. Nur Syamimie ohd Suhaimi**  
 Sek. Keb. Sungai Ular, Kuantan, Pahang
- **7. Muhammad Isma Daniel Ismail**  
 Sek. Keb. Air Putih, Kuantan, Pahang
- **8. Arleesya Najwa Arman**  
 Sek. Keb. Tunku Azizah Indera Mahkota, Kuantan, Pahang
- **9. Muhd Syaza Mohd Sahabuddin**  
 Sek. Keb. Ru Rendang, Marang, Terengganu
- **10. Nur Arina Azmi**  
 SJK (C) On Pong, Ampang, Selangor



Tan Sri Bernard Dompok **menunjukkan sampel B10** semasa melawat pameran sempena pelancaran program B10. Turut kelihatan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin (kanan), Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kiri).



Tan Sri Bernard Dompok **menampal logo B10 pada kenderaan** MPIC yang menggunakan B10. Turut kelihatan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin, Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.



Pegawai Penyelidik MPOB, Dr Karimah Ahmad (kiri) **memberi penerangan mengenai sawit kepada pengunjung** pameran MPOB sempena program Jelajah Janji Ditepati (JJD) di Kuala Terengganu, Terengganu, baru-baru ini. Turut kelihatan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Mohd Sanuri Shahid (kanan).



Datuk Hamzah Zainudin menyampaikan replika cek kepada penerima **Skim Bantuan Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil** sempena program Hello Komoditi di Selama, Perak, baru-baru ini.



Datuk Dr Choo Yuen May bergambar bersama **Pegawai TUNAS MPOB yang menyertai** Kursus Peraturan-Peraturan Tatatertib, Badan-Badan Berkanun, Tatatertib dan Surcaj (Akta 605) di Bangi, baru-baru ini.

